

Bina masyarakat bertamadun, modal insan cemerlang

BH- 20/11/2023
w/d: 5

Kuala Lumpur: Gagasan Membangun Malaysia Madani menepati elemen keterangkuman dihasratkan Perdana Menteri bagi membina masyarakat bertamadun, bukan sahaja dari aspek fizikal, malah melahirkan modal insan yang cemerlang spiritual.

Profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Zaid Ahmad, berkata Datuk Seri Anwar Ibrahim mengangkat wacana itu tepat pada masanya, terutama melihat kepada pelbagai kepincangan yang berlaku ketika ini.

"Gagasan ini bertitik tolak daripada konsep Madani itu sendiri. Jika diterjemahkan, ia bermakna masyarakat yang diurus

dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan (masyarakat) itu.

"Jika kita melihat maknanya secara lebih mendalam, ia (bermaksud) masyarakat yang ber peradaban. Apabila Perdana Menteri misalnya sebelum ini menekankan aspek tata kelola, ia merujuk kepada implementasi terhadap dasar sedia ada dan inilah masalah besar yang dihadapi (negara) sekarang," katanya kepada *BH*.

Sementara itu, Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Dr Mohd Izani Mohd Zain, melihat pendekatan itu wajar diangkat kerana konsepnya bukan sahaja menjurus kepada soal pembangunan, malah mengangkat peradaban bangsa Malaysia.

"Apa yang Perdana Menteri cuba bawa melalui gagasan masyarakat Madani adalah melahirkan Malaysia yang maju dan tinggi tamadunnya. Kemajuan ini bukan bermaksud dari segi kebenaran atau ekonomi semata-mata, tetapi kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban.

"Saya turut melihat dua konsep utama di dalamnya iaitu ketelusan dan kerjasama. Ketelusan penting sebab ia menyentuh soal tadbir urus yang baik dan integriti. Itu sebenarnya menjadi fokus kepada kerajaan dan Perdana Menteri kita.

"Jika Malaysia bersih dan bebas dari rasuah, keyakinan rakyat dan orang luar untuk datang buat pelaburan juga tentunya lebih tinggi," katanya.